



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 24 APRIL 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAT SABU: VIETNAM TIES KEY TO SECURING FOOD SUPPLY, NATION, THE STAR, M/S – 5	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	KEMBALIKAN RM2 BILION INDUSTRI PADI KEPADA PETANI, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 11	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
3.	AGROBANK LANCAR FUNANCIAL DAY 2026 DI 143 CAWANGAN, BISNES, HARIAN METRO, M/S – 27	AGROBANK
4.	SEKTOR PERTANIAN PERLU TRANSFORMASI, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 5	LAIN – LAIN
5.	SEKATAN EKSPORT DARI CHINA DAN RUSIA, KOS PERTANIAN DOMESTIK DIJANGKA MENINGKAT MENDADAK, BISNES, HARIAN METRO, M/S – 26	
6.	BAJA IWK: ALTERNATIF BAGI PEKEBUN KECIL, NEGARA, KOSMO, M/S – 7	
7.	PERLIS AGROFEST 2026 MERIAH, DIJANGKA TARIK 100,000 PENGUNJUNG, AGRO.GAYA, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 22	
8.	SERANGGA PEROSAK MUSNAHKAN KEBUN JAGUNG PADANG JEJAWI, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 28	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/4/2026	THE STAR	NATION	5

Mat Sabu: Vietnam ties key to securing food supply

KUALA LUMPUR: Close Malaysia-Vietnam ties are vital to ensure the country's food supply remains stable amid global shortages triggered by the Middle East conflict, says Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu (*pic*).

On his working visit to Vietnam, he said the trip aims to ensure the neighbouring country remains a steady and reliable trading partner for food supplies to Malaysia, including rice and other key commodities.



“This visit is especially significant as the world grapples with a global supply crisis that’s disrupting food chains and price stability.

“In this situation, I see the need for Malaysia to take a more proactive, strategic, and forward-looking approach,” he said in a Facebook post, Bernama reported.

Mohamad expressed his commitment to bolster global partnerships, broadening supply sources, and safeguarding the nation’s food security.

“I’ll keep working to ensure our nation’s food supply stays stable, sufficient, and secure for everyone’s wellbeing,” he said.

Earlier yesterday, Mohamad was welcomed in Hanoi by Malaysia’s Ambassador to Vietnam, Datuk Tan Yang Thai, and his wife, Datin Akiko Morioka Tan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/4/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	11

Kembalikan RM2 bilion industri padi kepada petani

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
 utusannews@mediantulua.com.my

ALOR SETAR: Kekayaan industri padi yang mencecah RM2 bilion setahun di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) yang tidak dinikmati oleh para peladang dalam sektor itu perlu dikembalikan kepada mereka.

Pengerusi MADA, Datuk Dr. Ismail Salleh berkata, hasil kekayaan itu selama ini hanya diraih pihak lain yang menguasai rantai industri itu, sedangkan liku-liku kepayahan dalam mengerjakan sawah dilalui para petani.

Katanya, langkah penyelesaian jangka panjang perlu dilakukan segera agar para petani tidak lagi terbeban dengan hasil yang tidak setara, sekali gus mampu meningkatkan taraf hidup golongan itu di negara ini.

"Industri ini sejak dulu telah menyerahkan kekayaan kepada orang lain, kita ambil contoh hanya di kawasan MADA apabila kesemua hasil hiliran daripada padi jadi beras tidak lagi berada dalam kalangan peladang-peladang kita atau Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

"Jadi reformasi sistem yang menyeluruh perlu untuk pastikan kekayaan hampir RM2 bilion setahun dalam konteks MADA akan patah balik kepada peladang dengan cara PPK menguasai hiliran, menguasai kilang yang proses padi dan turut menguasai pemborong serta

rantai runcit," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Ismail berkata, semua pihak terutama yang terlibat dalam membuat polisi berkaitan industri padi dan beras negara perlu segera melaksanakan langkah-langkah ke arah bagaimana para peladang dapat menguasai sektor itu sehingga ke peringkat hiliran.

Katanya, kerajaan khususnya Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) disaran melakukan proses reformasi berkenaan dalam tempoh tiga tahun ini bagi memastikan peladang mendapat manfaat tinggi bagi sektor itu.

"Sepanjang tiga tahun sebelum ini kita melihat isu harga lantai, harga benih, isu penyeselaran diesel dan sekarang isu kenaikan diesel disebabkan krisis. Jadi sebab itu untuk penyelesaian yang menyeluruh mesti berlaku reformasi menyeluruh dalam industri padi.

"Selain itu, sektor ini turut berdepan isu hasil yang tidak meningkat dalam masa agak lama. Jadi usaha untuk tingkatkan hasil padi yang tinggi perlu diberi perhatian, sebab ini asas yang akan memberi pulangan lebih kepada peladang kita," katanya.

Katanya, industri padi yang memberikan pulangan setimpal kepada peladang akan mampu menarik minat petani muda untuk berkecimpung dalam sektor itu berbanding memilih sektor pekerjaan lain.



PESAWAH merupakan golongan yang berdepan pelbagai kepayahan meskipun mereka merupakan tulang belakang kepada industri padi dan beras negara. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/4/2026	HARIAN METRO	BISNES	27

Agrobank lancar FUNancial Day 2026 di 143 cawangan

Kuala Lumpur: Agrobank bakal menggerakkan rangkaian cawangannya di seluruh negara menerusi penganjuran FUNancial Day 2026, satu program pengaktifan berskala besar yang bertujuan memperkukuh babit urus pelanggan sambil memacu pertumbuhan perniagaan merentasi semua segmen.

Program selama dua hari itu akan berlangsung pada 28 dan 29 April ini, membabitkan 143 cawangan Agrobank di seluruh negara secara serentak serta mengubah cawangan bank menjadi hab interaksi kewangan yang lebih dinamik dan mesra pelanggan.

Inisiatif berkenaan menyediakan platform komprehensif kepada pelanggan untuk meneroka pelbagai tawaran kewangan Agrobank, disokong aktiviti di lapangan, khidmat nasihat serta pembabitan interaktif.

Menurut Agrobank, program itu dirangka bagi merangsang pertumbuhan deposit (CASA), menjana petunjuk pembiayaan baharu, meningkatkan pendapatan berasaskan fi serta mengukuhkan kedudukan bank sebagai institusi kewangan bertetrasakan komuniti.

Antara tarikan utama FUNancial Day 2026 termasuk kempen Mega Million 3.0 Raya Peluang Emas yang menawarkan peluang memenangi emas 10 gram, Proton X50 setiap bulan serta hadiah utama berupa Ford Ranger Raptor.

Selain itu, pelanggan juga berpeluang menyertai tawaran pembelian emas serendah RM10 dengan

peluang memenangi hadiah utama Honda Vario 125.

Program ini turut menampilkan pelbagai inisiatif lain seperti kempen NextGen bagi golongan belia, pembiayaan peribadi AGROCash-i dengan kadar rata serendah 2.62 peratus, pembiayaan Ar-Rahnu dengan margin sehingga 80 peratus serta pelan takaful kemalangan diri.

Dalam masa sama, pelanggan boleh menikmati tawaran tambahan seperti cenderamata eksklusif edisi terhad Agrobank, program Hartani-i Refer & Reward serta klinik kewangan yang disediakan di cawangan terbabit.

Terbuka kepada pelanggan baharu dan sedia ada termasuk individu, perusahaan kecil dan sederhana (PKS), perniagaan mikro serta komuniti setempat, penganjuran ini mencerminkan komitmen Agrobank dalam menyediakan penyelesaian kewangan yang inklusif dan mudah diakses.

Dengan capaian menyeluruh serta pendekatan bersepadu, FUNancial Day 2026 dilihat sebagai langkah strategik dalam menggabungkan aspek libat urus pelanggan, penyelesaian kewangan dan pertumbuhan perniagaan dalam satu platform yang berimpak tinggi.

Orang ramai digalakkan mengunjungi cawangan Agrobank berhampiran sepanjang tempoh kempen untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Sektor pertanian perlu transformasi

Oleh HAFIZ SAIDINA

utusannews@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Sektor pertanian negara perlu melalui transformasi menyeluruh bagi memastikan ia kekal relevan, berdaya saing dan mampu menarik minat generasi muda.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, kerajaan menyedari keperluan tersebut dengan memberi penekanan kepada penggunaan teknologi, inovasi serta pendekatan latihan yang lebih responsif terhadap kehendak industri.

“Kerajaan menyedari bahawa sektor pertanian perlu melalui transformasi menyeluruh dengan memanfaatkan teknologi, inovasi serta pendekatan latihan yang lebih responsif kepada keperluan industri.

“Sehubungan itu, dapatan dan syor daripada bengkel ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis TVET Negara yang akan datang untuk pertimbangan dan keputusan dasar di peringkat tertinggi.

“Saya yakin pendekatan yang lebih terselaras ini akan meningkatkan keberkesanan program TVET pertanian, mem-

perkuh kerjasama antara Kementerian dan agensi pelaksana serta mampu menarik lebih ramai golongan belia menceburi sektor pertanian sebagai kerjaya berdaya maju sekali gus meningkatkan imej dan daya tarikan TVET pertanian,” katanya dalam kenyataan semalam.

Terdahulu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dengan sokongan Majlis TVET Negara mengajurkan Bengkel Pemerkasaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Pertanian, yang menghimpunkan tujuh kementerian utama dalam eko-

sistem TVET negara. Ia memfokuskan kepada penyaluran program TVET Pertanian merentas Kementerian bagi memastikan pelaksanaan yang lebih tersusun, bersepadu dan berimpak tinggi.

Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Majlis TVET Negara berkata, perbincangan turut menjurus kepada pengenalan program-program berimpak tinggi dan model pelaksanaan yang mampan agar setiap inisiatif yang dirangka mampu memberikan pulangan optimum kepada negara dan rakyat.

“Keupayaan institusi latihan

juga diperkuh melalui usaha meningkatkan kualiti tenaga pengajar, memodenkan fasiliti latihan serta menyelaras kurikulum berasaskan keperluan industri semasa.

“Selain itu, penekanan diberi kepada pengukuhan kolaborasi strategik bersama pihak industri, peluasan peluang penempatan latihan dan peningkatan kebolehekerjaan graduan serta aspek pembangunan agropreneur terus diperkasa sebagai pemangkin transformasi sektor pertanian yang lebih inovatif, berdaya saing dan menarik minat generasi muda,” katanya.

SEKATAN EKSPORT DARI CHINA DAN RUSIA

Kos pertanian domestik dijangka meningkat mendadak

Kuala Lumpur: Sekatan eksport dari China dan Rusia serta gangguan rantaian bekalan mencetuskan kebimbangan kos pertanian domestik bakal meningkat secara mendadak kelak.

Ini kerana harga baja global kini merekodkan peningkatan mendadak susulan krisis geopolitik antarabangsa, sekali gus memberi isyarat awal ter-

hadap potensi kenaikan kos pertanian tempatan seperti kelapa sawit dan durian.

Penganalisis RHB Investment Bank Bhd, Queenie Tan berkata, pasaran baja dunia kini sedang mengalami fasa peningkatan harga yang ketara.

Beliau berkata, harga komoditi baja terutamanya urea telah mencatatkan lonjakan harga sekitar 89

peratus dan harga spot meningkat daripada kira-kira AS\$450 satu tan kepada melebihi AS\$800 satu tan.

"Selepas gangguan aliran perdagangan di Selat Hormuz, kekurangan baja global semakin meruncing akibat

peratus tinggi. Harga ammonia, sulfur dan fosfat juga melonjak, diperburuk oleh bekalan gas asli yang terhad.

"Kejutkan bekalan ini merupakan situasi yang menyumbangkan harga jualan purata (ASP) lebih tinggi bagi produk baja pada 2026," katanya dalam satu nota penerbitan semalam.

Tan berkata, langkah menggekalkan harga pada

berwaspada China yang telah melanjutkan sekatan eksport baja mereka sehingga Ogos 2026 bagi menjamin keselamatan makanan domestik memburukkan lagi keadaan.

Pada masa yang sama, beliau berkata pasaran berdepan dengan kekurangan bekalan gas asli yang merupakan bahan mentah utama untuk penghasilan baja berasaskan nitrogen.

Kejutkan bekalan ini menyerupai situasi perang Rusia-Ukraine
Queenie Tan

Baja IWK: Alternatif bagi pekebun kecil

PERTUBUHAN Perdagangan Dunia (WTO) baru-baru ini melaporkan gangguan bekalan baja akibat ketegangan geopolitik Iran-Amerika Syarikat yang menimbulkan ancaman berganda kepada keselamatan makanan global melalui kekurangan pengeluaran dan peningkatan harga.

Ketegangan ini turut menjejaskan sektor pertanian Malaysia terutamanya dari segi kekurangan baja.

Ekoran konflik berterusan di Asia Barat hingga sekatan eksport dari China, kos dan ketersediaan baja semakin tidak menentu. Bagi petani Malaysia, khususnya pekebun kecil, kesannya dirasai serta-merta.

Semasa pelancaran Dasar Keselamatan Makanan Negara 2023 pada Januari 2026, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Datuk Amar Haji Fadillah Haji Yusof menekankan betapa pentingnya usaha untuk menangani cabaran ini.

"Apabila kos input meningkat, ia mencetuskan kesan domino, membawa kepada inflasi harga makanan global. Beban ini akhirnya akan ditanggung rakyat.

"Kebergantungan kita kepada rantaian bekalan luar menjadikan kita terdedah kepada kejutan ekonomi global," katanya.

Krisis semakin meningkat

Menurut laporan berita, Malaysia hanya mengeluarkan kira-kira 39 peratus daripada keperluan banyanya di dalam negara. Pada masa sama, China yang membekalkan satu pertiga daripada import baja Malaysia telah mengatatkan eksportnya bagi melindungi bekalan makanan mereka sendiri.

Lebih memburukkan keadaan, gangguan di Selat Hormuz yang membawa satu pertiga daripada perdagangan baja global telah menyebabkan peningkatan kos dan masa penghantaran.

Di Malaysia, kesannya telah dirasakan apabila pengeluar baja tempatan dilaporkan telah menghentikan tempahan baharu kerana harga bahan mentah melonjak sehingga 150 peratus dalam beberapa minggu.

Bagi petani sayur berskala besar, risikonya tinggi. Kebergantungan kepada baja import, terutamanya untuk sistem fertigasi, menyebabkan mereka mudah terkejut akibat gangguan bekalan global.

Bagi pekebun kecil pula, kesannya lebih besar. Dengan keuntungan yang lebih kecil, keluasan tanah terhad dan hasil rendah, mereka kurang berupaya menampung kenaikan harga atau gangguan bekalan. Akses berterusan kepada baja bukan sahaja penting, tetapi kritikal untuk kelangsungan hidup mereka.

Golongan pekebun kecil ini memerlukan pendekatan penyelesaian yang berbeza.



POKOK kelapa yang terjejas akibat cuaca panas melampau (kiri) kelihatan kering sebelum penggunaan baja organik dan penggalak tumbuhan IWK mula menunjukkan hasil selepas lima bulan (kanan), yang mana pertumbuhan pelepah baharu dan penghasilan buah kembali berlaku.

Satu usaha untuk membantu mereka adalah kajian penyelidikan pra-pengkomersialan yang dijalankan oleh syarikat pembetulan nasional, Indah Water Konsortium (IWK) Sdn. Bhd, sebuah syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) di bawah bidang kuasa Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA).

Kajian melalui cabang penyelidikan, Indah Water Research Centre (IWRC) itu telah menunjukkan potensi penyelesaian dalam sektor pertanian menerusi penghasilan baja organik IWK.

Ujian penilaian keberkesanan baja organik IWK, yang dihasilkan daripada biopepejal hasil proses rawatan kumbahan telah dijalankan kepada empat tanaman landskap (Vinca, Marigold, Japanese Rose dan Petunia) dan empat tanaman makanan (okra, sawi hijau, terung dan keledaik) di dalam persekitaran rumah hijau.

Hasil kajian menunjukkan peningkatan ketara dalam pertumbuhan tanaman dan kualiti tanah. Baja berasaskan biosolid ini membekalkan nutrien penting seperti nitrogen, fosforus dan kalium (NPK) yang diperlukan untuk perkembangan tanaman, sekali gus membuktikan bahawa baja IWK selamat untuk kegunaan pertanian.

Ketua Pegawai Eksekutif IWK, Narendran Maniam berkata, penyelesaian ini menunjukkan betapa kayanya baja organik IWK sehingga mampu membantu pekebun kecil meningkatkan ketahanan tanaman.

"Dalam satu ujian di ladang kelapa, baja IWK digunakan sekali setiap dua minggu dan ini telah mengurangkan kos pembelian baja daripada pembekal lain sebanyak kira-kira 68 peratus. Ini merupakan kelebihan besar bagi petani yang beroperasi dengan margin keuntungan kecil.

Jadual di bawah menunjukkan perbandingan antara had parameter yang dibenarkan di bawah Peraturan Malaysia dengan parameter bagi Biopepejal Kering IWK dan baja organik IWK.

Parameter	Unit	MS 1517:2012 Organic Fertilizer Spec	MS 2532:2013 Fertilized Organic Fertilizer Spec	IWK Dried Biosolids (Average)	IWK Organic Fertilizer (Average)
pH	-	No Limit	5-8	5-6	5-9
Nitrogen (N)	%	>1.5±20%	No Limit	5.3	1.24
Phosphorus (P)	%	No Limit	No Limit	1.36	1.27
Potassium (K)	%	No Limit	No Limit	0.12	5.54
Mixture	%	<30±10%	<30±10%	24.5	33.02
C/N Ratio	-	<25:1±20%	<25:1±20%	7:1	14:1
Organic Matter	%	>50±10%	>30±10%	62.8	28.6
Heavy Metals					
Chromium (Cr)	mg/kg	200	200	18.5	14.7
Lead (Pb)	mg/kg	300	300	19.3	12.28
Nickel (Ni)	mg/kg	150	150	15.1	11.41
Cadmium (Cd)	mg/kg	5	5	2.24	1.41
Arsenic (As)	mg/kg	50	50	42.7	17.54
Pathogen					
E. Coli	cfu/g	<10	<10	<10	<10
Pseudomonas aeruginosa	cfu/g	<10	<10	<10	<10
Salmonella	-	None	None	None	None
Staphylococcus aureus	cfu/g	<10	<10	<10	<10

"Daripada bergantung kepada jumlah input konvensional yang tinggi, formulasi baja organik IWK memberi tumpuan kepada penyampaian aplikasi yang kaya dengan nutrien untuk memaksimumkan keberkesanan setiap penggunaan," jelasnya.

Alternatif dalam krisis

Di samping bekalan nutrien, komposisi organik membantu mengimbangi semula keasidan tanah yang sering disebabkan oleh penggunaan baja kimia yang berpanjangan, menyokong ekosistem tanah lebih sihat dan pengeluaran tanaman yang lebih mampan dari masa ke semasa.

Baja organik IWK telah menjalani analisis meluas untuk memastikan ia tidak mengandungi logam berat berbahaya atau bakteria patogen, dan selamat digunakan.

Kajian toksikologi untuk Prosedur Naik Turun Ketoksikan Oral Akut

pada tikus oleh SIRIM tidak menunjukkan kesan negatif, mengesahkan keselamatannya untuk digunakan dalam tanaman tanpa risiko pencemaran.

Di samping itu, Helalan Data Keselamatan Bahan telah dibangunkan untuk mendokumentasikan komposisi kimia, pengendalian langkah keselamatan, serta pematuhan peraturan alam sekitar dan kesihatan.

Lebih penting, baja IWK mendapat pengiktirafan Majlis Agama Kebangsaan. Dalam mesyuarat kali ke-126 pada 25 - 27 Februari 2025, Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam mengkaji penggunaan biopepejal daripada loji rawatan kumbahan sebagai sumber baja organik.

Jawatankuasa membuat kesimpulan penggunaan baja organik berasaskan biopepejal yang diperolehi daripada loji rawatan kumbahan adalah harus, dengan syarat ia terbukti selamat dan bermanfaat.

Keludukan ini diperkukuhkan Majlis Agama Islam Pahang yang mengeluarkan fatwa pada 2025, membenarkan penggunaan biopepejal yang dihasilkan melalui proses rawatan kumbahan sebagai bahan penghasilan baja organik.

Hala tuju masa depan

Seiring dengan ketidaktentuan global yang berterusan, perbincangan mengenai ketahanan makanan semakin menjadi keutamaan. Selain itu, bekalan, terdapat keperluan untuk memberi tumpuan kepada kelestarian jangka panjang, khususnya memperkukuh penyelesaian yang membantu petani kecil.

Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad menyatakan bahawa Kerajaan sedang berusaha untuk mengembangkan import baja melalui rundingan dengan negara pembekal sedia ada dan baharu.

Kerajaan juga akan berusaha mengaktifkan saluran bekalan alternatif dalam tempoh tiga hingga enam bulan akan datang, sambil memastikan harga kekal kompetitif untuk meminimumkan tekanan.

Narendran berkata, penyelesaian tempatan boleh memainkan peranan penting untuk menyokong cabaran yang semakin meningkat.

Walaupun baja IWK belum dilekatkan bagi memenuhi keperluan berskala besar oleh pemain utama industri perladangan, syarikat menawarkan alternatif yang disesuaikan untuk pekebun kecil.

"Inisiatif baja organik IWK mencerminkan hala tuju yang jelas dan berpotensi tinggi. Ia menggalakkan kelestarian alam sekitar melalui kitar semula biopepejal dan mengurangkan pelupusan di tapak pelupusan. Namun, penting bagi IWK ini boleh mendapat penerimaan awam," tambah Narendran.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/4/2026	UTUSAN MALAYSIA	AGRO.GAYA	22

Perlis Agrofest 2026 meriah, dijangka tarik 100,000 pengunjung

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamula.com.my

PERLIS Agrofest 2026 yang berlangsung selama tiga hari dari 24 sehingga 26 April di Sungai Batu Pahat di sini meriah dengan sasaran lebih 100,000 pengunjung dari seluruh negara.

Penganjuran Perlis Agrofest 2026 anjuran kerajaan negeri dengan gabungan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan serta Festival Mangga Harumanis Perlis yang telah dijenamakan semula itu sarat pelbagai pengisian program menarik, unik dan ikonik.

Sebelum ini, program tersebut dikenali sebagai Festival Permai atau Perlis Mango & Agricultural Industry yang turut berlangsung meriah tahun lalu dengan kehadiran 50,000 pengunjung.

Majlis perasmian Perlis Agrofest 2026 akan disempurnakan oleh Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail pada malam ini dan turut berangkat sama Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Almarhum Tengku Abdul Rashid bersama Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Dr. Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Program itu juga bersempena sambutan ulang tahun keputeraan baginda



NOOR Azman Abdul Rahman (tiga dari kanan) meninjau lokasi berlangsungnya Perlis Agrofest 2026 di Sungai Batu Pahat, Kangar, Perlis. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

ke-83.

Selain jualan harumanis dan himpunan lembu sado 5.0 yang menjadi tarikan utama, ia juga sarat dengan pelbagai aktiviti seperti pameran haiwan ternakan dan petting zoo, pameran jentera dan teknologi sektor pertanian, produk-produk pertanian, pameran oleh jabatan dan agensi selain jualan makanan popular dan lain-lain yang melibatkan 100 usahawan.

Selain itu, antara aktiviti lain menghiasi acara terbesar agropelancongan Perlis itu seperti pertandingan face painting bertema flora dan fauna, pertandingan gubahan dessert berasaskan nenas,

badang beras, masakan tradisional, persembahan musang berjanggut, jualan agro Madani dan banyak lagi.

Terdapat juga sesi cabutan bertuah yang menawarkan pelbagai hadiah menarik kepada para pengunjung. Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Noor Azman Abdul Rahman berkata, Perlis Agrofest 2026 merupakan program berimpak tinggi yang bertujuan mempromosikan sektor pertanian, penternakan dan industri agro makanan di Perlis.

Katanya, program tersebut juga menghimpunkan pelbagai agensi kerajaan serta usahawan tempatan, sekali

gus menjadi platform kepada orang ramai untuk mengenali produk agro berkualiti yang dihasilkan di negeri ini.

“Tarikan utama sudah tentu jualan memulam harumanis Perlis yang terkenal di seluruh negara dan ia bertepatan apabila program ini berlangsung pada musim harumanis ketika ini.

“Harumanis terkenal dengan aroma harum dan rasa manis premium, menjadikan ia antara mangga terbaik di Malaysia. Pengunjung boleh mendapatkan harumanis segar terus daripada pengusaha pada harga berpatutan.

“Selain itu, terdapat juga

pelbagai produk berasaskan harumanis seperti jus, ais krim, kek dan produk hilitan lain. Turut disediakan jualan anak pokok harumanis bagi mereka yang berminat untuk menanam sendiri,” katanya.

Katanya, antara kelainan utama pada program ini adalah penganjuran himpunan lembu sado Utara 5.0 membabitkan 80 ekor lembu.

Beliau berkata, pihaknya juga menghimpunkan penternak-penternak lembu baka berkualiti tinggi dari seluruh zon Utara seperti Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak.

“Pengunjung berpeluang melihat sendiri lembu-lembu sado yang mempunyai saiz besar, fizikal yang tegap serta penjagaan yang rapi. Ini merupakan satu pengalaman unik dan jarang diperolehi, terutama bagi mereka yang berminat dalam bidang penternakan.

“Selain itu, penganjuran himpunan ini juga bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan industri ruminan dalam menjamin sekuriti makanan negara. Industri penternakan lembu memainkan peranan penting dalam memastikan bekalan daging tempatan yang mencukupi, berkualiti dan selamat untuk pengguna,” katanya.

Sementara itu, katanya, sebagai usaha promosi awal, program ‘Road To Perlis Agrofest 2026’ juga telah diadakan selama dua hari pada 31 sehingga 1 Februari lalu yang berjaya menarik kehadiran seramai 28,000 pengunjung.

Beliau turut berharap pengunjung menikmati suasana santai bersama keluarga sambil menyertai pelbagai aktiviti menarik yang disediakan sepanjang program tersebut berlangsung.

Katanya, program tersebut turut menjadi tarikan pelancongan khususnya dalam memperkukuh pembangunan agropelancongan negeri selaras dengan inisiatif Tahun Melawat Perlis (TMPs) 2024-2026.

Selain itu, pada hujung minggu ini turut berlangsung Perkampungan Sunnah Siri Ke-11 dari 24 sehingga 26 April di Masjid Syed Alwi serta pada 25 April turut berlangsung Perlis International Mawrathon.



NOOR Azman Abdul Rahman meninjau pameran jentera dan teknologi sektor pertanian bersempena Perlis Agrofest 2026 yang berlangsung tiga hari di Sungai Batu Pahat, Kangar, Perlis.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/4/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	28

Serangga perosak musnahkan kebun jagung Padang Jejawi

Oleh WAN ZURATIKAH IFFAH
WAN ZULKIFLI
utusannews@mediamulla.com.my

SETIU: Hasrat petani di Kampung Padang Jejawi di sini untuk meraih hasil lumayan bertukar duka, apabila tanaman jagung yang diusahakan mereka rosak akibat serangan serangga yang semakin menjadi-jadi semasa musim cuaca panas ketika ini.

Mohammad Ismail, 48, berkata, kebanyakan pokok jagungnya menunjukkan tanda kerosakan apabila daun berlubang dan tongkol tidak dapat membesar dengan sempurna, sekali gus menjejaskan kualiti hasil.

Katanya, serangan serangga seperti ulat dipercayai bermula sejak awal musim tanaman dan semakin serius apabila cuaca panas berpanjangan kerana ia mempercepat pembiakan spesies.

“Pelbagai kaedah saya lakukan termasuk meracun tanaman dengan racun serangga, namun hanya bertahan sementara dan akhirnya masalah sama berulang.

“Keadaan ini menyebabkan jagung menjadi rosak dan kebanyakannya terdapat ulat di dalamnya. Mahu tidak mahu petani terpaksa menjualnya pada harga murah,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.



MOHAMMAD Ismail menunjukkan jagung baharu dipetik yang rosak akibat serangan serangga di kebunnya di Kampung Padang Jejawi, Setiu, Terengganu. - UTUSAN/WAN ZURATIKAH IFFAH WAN ZULKIFLI

Mohammad berkata, cuaca panas turut menyebabkan tempoh matang buah menjadi lebih singkat dan tumbesarnya terbantut.

Katanya, kulit jagung juga menjadi cepat kering dan tidak segar seperti mana diinginkan pelanggan, lantas menyebabkan jualan turun secara mendadak.

Ujarnya, meskipun hanya mengusahakan tanaman jagung secara berkelompok dengan keluasan tanah 0.2 hektar seorang, namun tahun-tahun sebelum-

nya mereka mampu menuai hasil mencecah sehingga tiga tan metrik.

“Tetapi tahun ini cuaca panas melampau mengakibatkan pengeluaran hasil kurang dan boleh dikatakan hanya dua tan metrik dapat dituai. Itu pun buah mengalami kerosakan.

“Selain itu, kita berdepan masalah sumber air untuk menyiram pokok apabila kolam tadahan air semakin kering dan jumlah tampungan air semakin surut,” katanya.